



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KESAN PENGAJARAN AYAT BAHASA MELAYU SECARA  
TERANCANG TERHADAP PENGUASAAN TATABAHASA  
DIKALANGAN PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

**ALI BIN HAJI MAHMOOD**

**FPP 1994 7**



**KESAN PENGAJARAN AYAT BAHASA MELAYU SECARA TERANCANG  
TERHADAP PENGUASAAN TATABAHASA DI KALANGAN  
PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

**Oleh:**

**ALI BIN HAJI MAHMOOD**

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Keperluan Untuk Ijazah  
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Pertanian Malaysia.**

**OKTOBER 1994**



## PENGHARGAAN

Pengkaji mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat-Nya tesis ini dapat disiapkan.

Dengan rasa rendah diri, pengkaji ingin merakamkan rasa penghargaan yang tinggi dan tidak terhingga kepada Profesor Dr. Abdul Hamid bin Mahmood (selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan) atas segala usaha beliau menunjuk ajar, menegur, dan membimbing pengkaji menyiapkan tesis ini dari awal hingga akhir.

Pengkaji juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Profesor Dr. Hj. Amat Johari bin Moain, Pengarah Pusat Islam, dan Tuan Haji Arbak bin Othman (selaku ahli Jawatankuasa Penyeliaan) kerana usaha-usaha mereka memberikan teguran dan bimbingan kepada pengkaji untuk menyiapkan tesis ini.

Selanjutnya, pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu pengkaji untuk menyiapkan tesis ini, iaitu:

Encik Jamil bin Ahmad yang membimbing pengkaji dari segi pemprosesan dan penganalisan data;

Encik Kamal bin Dasuki dan Encik Roselan bin Baki yang membantu pengkaji menterjemahkan abstrak tesis ini;

Encik Abd. Rahman bin Nasir dan Cik Zainora binti Samsudin yang menjadi jurutaip tesis ini, serta mereka yang tidak dinyatakan di sini secara satu persatu.

Akhirnya, pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat; pengetua, guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu serta para pelajar tingkatan Empat SM Tinggi Kajang, SM Convent, dan SM Abdul Jalil, Hulu Langat kerana memberi sokongan untuk menjayakan kajian ini.

Bantuan dan kerjasama yang diberikan itu akan kekal menjadi ingatan penyelidik.

Wassallam.

1348, Jalan 18/53,  
Taman Sri Serdang,  
43300 Seri Kembangan,  
Selangor Darul Ehsan.

## JADUAL KANDUNGAN

|  | <b>HALAMAN</b> |
|--|----------------|
| <b>PENGHARGAAN</b> .....   | ii             |
| <b>SENARAI JADUAL</b> .....  | vii            |
| <b>SENARAI RAJAH</b> .....   | x              |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b> .....   | xi             |
| <b>ABSTRAK</b> .....   | xii            |
| <b>ABSTRACT</b> .....  | xiv            |
| <br><b>BAB</b>   |                |
| <b>I PENDAHULUAN</b> .....   | 1              |
| Latar Belakang Kajian .....  | 2              |
| Pernyataan Masalah .....   | 5              |
| Masalah Guru .....   | 5              |
| Masalah Pelajar .....  | 6              |
| Kekurangan Bahan Bermutu .....   | 6              |
| Kepentingan Kajian .....   | 7              |
| Objektif Kajian .....  | 8              |
| Pembatasan Kajian .....  | 8              |
| Hipotesis .....  | 9              |
| Definisi Operational .....   | 11             |
| Kesan Pengajaran .....   | 11             |
| Ayat Bahasa Melayu .....   | 11             |
| Secara Terancang .....   | 12             |
| Penguasaan Tatabahasa .....  | 13             |
| Tatabahasa .....   | 13             |
| Pelajar Tingkatan Empat .....  | 14             |
| <b>II SOROTAN LITERATUR</b> .....  | 15             |
| Pendapat-pendapat Tentang Pemerolehan Bahasa .....                       | 15             |
| Teori-teori Pembelajaran Bahasa Yang Berkesan .....                      | 18             |
| Teori Aliran Behaviurisme .....  | 18             |
| Teori Aliran Kognitif .....  | 20             |
| Pendapat-pendapat Tentang Pengajaran Terancang .....                     | 21             |
| Kajian Yang Berkaitan Kaedah Pengajaran<br>dan Pembelajaran Bahasa ..... | 23             |
| Rumusan Sorotan Kajian .....   | 27             |
| <b>III METODOLOGI PENYELIDIKAN</b> ...                                   | 33             |
| Kerangka Teoritis .....  | 33             |



|   |            |
|---|------------|
| Kerangka Konseptual Kajian .....                                    | 37         |
| Rancangan Penyelidikan .....  | 38         |
| Pembolehubah Bersandar .....  | 41         |
| Pembolehubah Bebas .....  | 41         |
| Pencapaian BM SRP .....   | 41         |
| Pengajaran BM .....   | 42         |
| Soal Selidik .....  | 44         |
| Ujian Pra dan Ujian Pasca .....                                     | 46         |
| Kesahan Instrumen .....   | 46         |
| Reka Bentuk Penyelidikan .....                                      | 47         |
| Tempat Kajian .....   | 49         |
| Persampelan .....   | 51         |
| Kajian Rintis .....   | 52         |
| Prosedur Mendapatkan Data .....                                     | 53         |
| Prosedur Mengumpulkan Maklumat .....                                | 53         |
| Ayat Majmuk bagi Ujian Pra dan Pasca .....                          | 53         |
| Cara Pemeriksaan dan Skema Markah .....                             | 54         |
| Pemprosesan dan Penganalisisan Data .....                           | 55         |
| <br>  |            |
| <b>IV INTERPRETASI DATA DAN PERBINCANGAN</b>                        |            |
| <b>HASIL KAJIAN .....</b>   | <b>56</b>  |
| <br>  |            |
| Analisis Soal Selidik .....   | 56         |
| Taburan Sampel Berdasarkan Sekolah .....                            | 57         |
| Analisis Pengujian Hipotesis .....                                  | 81         |
| Analisis Varian (Anova) Antara Kumpulan<br>dan Dalam Kumpulan ..... | 89         |
| Perbincangan .....  | 94         |
| Kesan Pengajaran PAT .....  | 94         |
| <br>  |            |
| <b>V KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>                              | <b>113</b> |
| <br>  |            |
| Kesimpulan Daripada Hipotesis Yang Diuji .....                      | 113        |
| Cadangan Untuk Mengatasi Kelemahan .....                            | 119        |
| Implikasi Penyelidikan .....  | 120        |
| Implikasi Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran .....                | 121        |
| Implikasi Terhadap Guru BM .....                                    | 123        |
| Implikasi Terhadap Sekolah dan Institusi Pendidikan .....           | 123        |
| Implikasi Terhadap Kementerian Pendidikan .....                     | 124        |
| Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya .....                             | 125        |
| <br>  |            |
| <b>BIBLIOGRAFI .....</b>  | <b>128</b> |

|                         |   |            |
|-------------------------|---|------------|
| <b>LAMPIRAN:</b>        |   |            |
| A                       | Surat Menyurat .....                          | 141        |
| B                       | Soalan Ujian Pra dan Ujian Pasca .....        | 148        |
| C                       | Soal Selidik .....                            | 168        |
| D                       | Modul Pengajaran BM Secara Terancang.....     | 178        |
| E                       | Markah Mentah Ujian Pra dan Ujian Pasca ..... | 200        |
| <br>                    |   |            |
| <b>LATAR DIRI</b> ..... |   | <b>205</b> |



## **SENARAI JADUAL**

| <b>Jadual</b>   | <b>Halaman</b> |
|---|----------------|
| 1 Pembahagian Sampel Dari Segi Sekolah, Pencapaian dan Jantina                  | 51             |
| 2 Taburan Sampel Berdasarkan Sekolah  | 57             |
| 3 Taburan Sampel Mengikut Jantina   | 58             |
| 4 Taburan Sampel Mengikut Aliran Tingkatan 4                                    | 58             |
| 5 Taburan Sampel Mengikut Kelulusan SRP   | 59             |
| 6 Taburan Sampel Mengikut Gred  | 59             |
| 7 Taburan Sampel (Lelaki dan Perempuan) Mengikut Kelulusan Bahasa Melayu S.R.P. | 60             |
| 8 Taburan Sampel Mengikut Pencapaian Dalam Peperiksaan SRP                      | 62             |
| 9 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Mengikut Persepsi: Pengajaran Aspek Tatabahasa   | 64             |
| 10 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Mengikut Persepsi: Pengajaran Guru              | 65             |
| 11 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Mengikut Tahap Kecekapan Bahasa                 | 66             |
| 12 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Mengikut Tahap Kecekapan Perbendaharaan Kata    | 67             |
| 13 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Mengikut Tahap Mengikut Penguasaan Ejaan        | 68             |
| 14 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Mengikut Tahap Menulis                          | 69             |
| 15 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Mengikut Tahap Membuat Runsuran                 | 70             |
| 16 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Mengikut Tahap Meringkaskan Karangan            | 71             |





| <b>Jadual</b>  | <b>Halaman</b> |
|--|----------------|
| 17 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Mengikut Tahap Pengetahuan Tatabahasa  | 72             |
| 18 Taburan Sampel Yang Mengatakan Guru Menyoal Seluruh Kelas   | 73             |
| 19 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Yang Menyatakan Guru Menggunakan Teknik Kumpulan   | 74             |
| 20 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Yang Mengatakan Guru Menggunakan Teknik Main Peranan   | 75             |
| 21 Taburan Sampel Yang Mengatakan Guru Memberikan Latihan Bercakap/Lisan   | 76             |
| 22 Taburan Sampel Yang Mengatakan Guru Memberi Latihan Membina Ayat  | 77             |
| 23 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Yang Mengatakan Guru Memberi Latihan Susulan   | 78             |
| 24 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Yang Mengatakan Guru Menggabungkan Aktiviti  | 78             |
| 25 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Yang Mengatakan Guru Menggabungjalinkan Kemahiran  | 79             |
| 26 Taburan Sampel (PBT dan PBR) Mengikut Kefahaman Tatabahasa  | 80             |
| 27 Ujian-t Bagi Pelajar Berpencapaian Tinggi dan Pelajar Berpencapaian Rendah dalam Aspek Membina Ayat Majmuk Gabungan dan Pancangan | 81             |
| 28 Ujian-t Bagi Kumpulan PBT dan PBR dalam Aspek Pembinaan Ayat Majmuk Gabungan dan Pancangan  | 82             |
| 29 Ujian-t Bagi PBT dan PBR dalam Aspek Penggunaan Kata Hubung dalam Ayat Majmuk Gabungan dan Pancangan                              | 83             |



| <b>Jadual</b> | <b>Halaman</b>  |    |
|---------------|---|----|
| 30            | Ujian-t bagi Kumpulan PBT dan PBR dalam-Aspek Penganalisan Ayat Majmuk Gabungan dan Pancangan   | 84 |
| 31            | Ujian-t bagi Kumpulan PBT dan PBR Berdasarkan Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Aspek Pembinaan Ayat Majmuk   | 85 |
| 32            | Ujian-t Bagi Kumpulan PBT dan PBR Berdasarkan Skor Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Aspek Mengenal pasti Ayat Majmuk                                  | 86 |
| 33            | Ujian-t Bagi Kumpulan PBT dan PBR Berdasarkan Skor Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Aspek Penggunaan Kata Hubung Kata Gabungan dan Pancangan          | 87 |
| 34            | Ujian-t Bagi Kumpulan PBT dan PBR Berdasarkan Skor Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Aspek Penganalisan Ayat Majmuk Gabungan dan Ayat Majmuk Pancangan | 88 |
| 35            | ANOVA Sehalu Bagi Kumpulan-Kumpulan dan Dalam Kumpulan Berdasarkan Skor Bagi Aspek Pembinaan Ayat Majmuk  | 90 |
| 36            | ANOVA Sehalu Bagi Kumpulan-Kumpulan dan Dalam Kumpulan Berdasarkan Skor Bagi Aspek Mengenal Ayat Majmuk   | 91 |
| 37            | ANOVA Sehalu Bagi Kumpulan-Kumpulan dan Dalam Kumpulan Berdasarkan Skor Bagi Aspek Penggunaan Kata Hubung dalam Ayat Majmuk                               | 92 |
| 38            | ANOVA Sehalu Bagi Kumpulan-Kumpulan dan Dalam Kumpulan Berdasarkan Skor Bagi Aspek Penganalisan Ayat Majmuk   | 93 |

## SENARAI RAJAH

| <b>Rajah</b> |   | <b>Halaman</b> |
|--------------|---|----------------|
| 1            | Rekabentuk Pengajaran Terancang (Keeya, 1985)             | 35             |
| 2            | Organisasi Tatabahasa TG Standard (Chomsky, 1965)         | 36             |
| 3            | Kerangka Konseptual Kajian                                | 37             |
| 4            | Pencapaian Pelajar Dalam Peperiksaan SRP                  | 42             |
| 5            | Tatacara Eksperimen Tanpa Kumpulan Kawalan (Bailey, 1985) | 48             |
| 6            | Sampel Berpencapaian Tinggi (PBT)                         | 61             |
| 7            | Sampel Berpencapaian Rendah (PBR)                         | 61             |
| 8            | Kandungan Pengajaran Untuk PBT dan PBR                    | 63             |

## SENARAI SINGKATAN

|       |   |   |
|-------|---|---|
| BM    | = | Bahasa Melayu                               |
| BMB   | = | Bahasa Melayu Baku                          |
| BMMK  | = | Bahasa Melayu Merentas Kurikulum            |
| BSS   | = | Bahagian Sekolah-sekolah                    |
| DPK   | = | Dasar Pelajaran Kebangsaan                  |
| EM    | = | Explicit Method (kaedah eksplisit)          |
| EPRD  | = | Education Planning Research and Development |
| FPN   | = | Falsafah Pendidikan Negara                  |
| GOL.  | = | Golongan                                    |
| HN    | = | Hipotesis Nurani                            |
| HO    | = | Hipotesis Null                              |
| IM    | = | Implicit Method (Kaedah Implisit)           |
| ITM   | = | Institut Teknologi Mara                     |
| INTAN | = | Institut Tadbiran Awam Negara               |
| JPN   | = | Jabatan Pendidikan Negeri                   |
| L     | = | Lelaki                                      |
| LAD   | = | Language Acquisition Device                 |
| LKC   | = | Laporan Kerja Calon                         |
| LPM   | = | Lembaga Peperiksaan Malaysia                |
| KBSM  | = | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah        |
| N -t  | = | Nilai Ujian -t                              |
| P     | = | Perempuan                                   |
| PAT   | = | Pengajaran Ayat Secara Terancang            |
| PBR   | = | Pelajar-pelajar Berpencapaian Rendah        |
| PBT   | = | Pelajar-pelajar Berpencapaian Tinggi        |
| PPK   | = | Pusat Perkembangan Kurikulum                |
| PT    | = | Pengajaran Terancang                        |
| SIG   | = | Signifikan                                  |
| S.L   | = | Sisihan Lazim                               |
| SMAJ  | = | Sekolah Menengah Abdul Jalil                |
| SMC   | = | Sekolah Menengah Convent                    |
| SMTK  | = | Sekolah Menengah Tinggi Kajang              |
| SPM   | = | Sijil Pelajaran Malaysia                    |
| SRK   | = | Sekolah Rendah Kebangsaan                   |
| SRJK  | = | Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan             |
| SRP   | = | Sijil Rendah Pelajaran                      |
| S - R | = | Stimulus - Response                         |
| TB    | = | Tatabahasa                                  |
| TG    | = | Transformasi Generatif                      |
| THTB  | = | Teori Hipotesis Tatabahasa                  |
| UB    | = | Ujian Pra (Pre-test)                        |
| US    | = | Ujian Pasca (Post-test)                     |
| X     | = | Min @ Purata                                |



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KESAN PENGAJARAN AYAT BAHASA MELAYU  
SECARA TERANCANG TERHADAP PENGUASAAN TATABAHASA  
DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN IV**

Oleh:

**ALI BIN HAJI MAHMOOD**

JANUARI 1994

Pengerusi : Profesor Abdul Hamid bin Mahmood, Ph.D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini cuba mendapatkan data tentang Kesan Pengajaran Ayat Bahasa Melayu (BM) secara Terancang (PAT) terhadap Penguasaan Tatabahasa (TB) di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat, di tiga buah sekolah Menengah harian di daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti sama ada berlaku perubahan tingkah laku ataupun tidak di kalangan sampel kajian ini hasil daripada PAT.

Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan dua kaedah, iaitu dengan mengadakan ujian pra (UB) dan ujian pasca (US) bagi tujuan mengenal pasti kesan PAT terhadap penguasaan TB BM dalam aspek ayat majmuk gabungan dan pancangan (AGAP). Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang pencapaian BM dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan tentang pembelajaran BM.



Kerangka teoritis kajian ini berdasarkan model pengajaran yang dibentuk oleh Keeya (1985) dan TB Transformasi Generatif yang diasaskan oleh Chomsky (1965). Model ini diubahsuai dengan membentuk Kerangka Konseptual Kajian untuk memperoleh data yang agak tepat berasaskan Ujian Pasca - Ujian Pra setelah olahan dilakukan ke atas sampel.

Hasil perkiraan ujian - t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang berprestasi tinggi (PBT) dengan pelajar yang berprestasi rendah (PBR) dalam aspek membina, mengenal pasti, menggunakan kata hubung dan pancangan. Analisis Varians (ANOVA) pula digunakan untuk menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kumpulan dan dalam kumpulan. Walau bagaimanapun, PBT telah menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan PBR.

Memang terbukti bahawa PAT amat sesuai bagi semua golongan pelajar. Keputusan kajian menunjukkan PAT boleh disesuaikan bagi golongan pelajar yang cerdas dan yang kurang cerdas. Oleh sebab itu, jika PAT digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran BM, teknik ini akan menjadi satu teknik yang penting dan menarik.

Abstract of the thesis presented to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia  
in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science

**THE EFFECT OF USING THE PROGRAMMED METHOD  
OF TEACHING MALAY SENTENCES ON THE  
MASTERY OF GRAMMAR AMONG FORM  
FOUR STUDENTS**

By

**ALI BIN HAJI MAHMOOD**

JANUARY 1994

Chairman : Prof. Abdul Hamid bin Mahmood, Ph.D

Faculty : Faculty of Educational Studies

The aim of this research was to examine the effect of using a Programmed Method of Teaching Malay Sentences on The Mastery of Grammar Among Form Four Students from three secondary schools in the district of Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. The objectives of this research were to identify the change of learning behaviour among the samples in this research.

Two methods were used to compile the data of this research. The pre-test and post-test methods were used to identify the effect of using the Programmed Method On the Mastery of Complex coordinate sentence and complex complement sentence. The use of questionnaire was obtain to get information of Malay Language achievement in Lower Certificate of Education and the learning of the Malay Languages.



The theoretical framework used for this research was based on the "Model of Learning", developed by Keeya (1985) and the Transformational Generative Semantic Grammar postulated by Chomsky (1965). Some modifications to the model were made with the inclusion of the testing theoretical framework for obtaining data based on the pre-test and post-test.

The analysis using the t-test method showed significant difference in the mastery of sentence construction, identification usage of conjunction, and in analyzing sentences. The analysis of variance was also used to show the significant difference within the groups and between the groups' achievement. The high achieving group showed a much higher improvement as compared to the low achieving group.

The data showed that a Programmed Method can be effective for both groups of students and can be further developed as an important technique in the teaching and learning of grammar of the Malay Language.



# BAB I

## PENDAHULUAN

Dasar Pelajaran Kebangsaan (DPK) yang dikenali sebagai Penyata Razak digubal pada tahun 1955-1956. Dasar ini kemudian disemak semula pada tahun 1960 dan dikenali sebagai Penyata Rahman Talib. Perkara utama yang difokuskan oleh penyata ini adalah untuk menjadikan Bahasa Melayu (BM) sebagai alat perpaduan antara kaum di Malaysia. Di samping itu, penekanan juga diberikan pada aspek pengajaran dan pembelajaran BM (INTAN, 1980:52).

Sesuai dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK), Bahasa Melayu diajarkan sebagai mata pelajaran wajib dan telah dijadikan bahasa pengantar utama bagi semua peringkat persekolahan dan institusi pengajian tinggi (Huraian Sukatan Pelajaran BM KBSM T. 4, 1990). Hasrat ini amat bertepatan dengan penggunaan bahasa Melayu yang semakin meluas selaras dengan tarafnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Oleh yang demikian, penekanan terhadap penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu yang lebih bermutu amat diutamakan. Untuk mencapai matlamat pendidikan bahasa Melayu, iaitu kecekapan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi, pelajar-pelajar diharapkan dapat memahami sistem bahasa ini dengan tepat. Hanya dengan menguasai dan memahami sistemnya, bahasa Melayu mampu mengungkapkan segala bidang ilmu dan kegiatan harian sejajar dengan fungsinya sebagai bahasa perpaduan rakyat, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu pengetahuan, yang mencerminkan akal budi rakyat, (Abdul Hamid bin Mahmood, 1993).



Hasrat ini telah menjadi kenyataan apabila pada tahun 1976 semua peringkat sekolah menengah menggunakan BM sebagai bahasa pengantar utama dan penggunaannya yang total di institusi pengajian tinggi tempatan pada tahun 1983, Awang Sariyan (1988). Oleh sebab itu, wajarlah teknik pengajaran BM ditingkatkan dan diperbaik untuk mencapai matlamat pendidikan negara.

### **Latar Belakang Kajian**

Masalah pengajaran dan pembelajaran secara umumnya telah dibincangkan sejak beberapa dekad yang lalu baik di dalam mahupun di luar negara. Di barat, Malvin (1952) telah mengatakan bahawa penyelesaian dalam masalah pengajaran boleh dilaksanakan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai dan berkesan. Pendapat ini disokong oleh Hullfish dan Smith (1969). Mereka berpendapat bahawa memperbaiki pengajaran merupakan tanggungjawab ikhtisas para pendidik. Pinsent (1969) pula menambah bahawa kejayaan seseorang guru mempraktikkan kaedah mengajar bergantung kepada perkara-perkara yang berikut; iaitu (i) penggunaannya, (ii) pelajar yang belajar melaluinya, (iii) bagaimana kaedah itu digunakan, (iv) pelajar yang diajar, dan (v) matlamat atau objektif pengajaran dan pembelajaran.

Kenyataan ini dipersetujui oleh Richmond (1970) dengan mengatakan bahawa sesuatu kaedah pengajaran itu berjaya dilaksanakan setelah pelajar dapat menguasai isi pelajaran. Za'ba (1965) juga berpendapat bahawa kaedah pengajaran bahasa hendaklah dijalankan dengan sempurna. Hanya dengan cara ini, pengetahuan BM akan dapat dikuasai oleh murid.

Masalah ketidakberkesanan pengajaran dan pembelajaran juga berlaku di negara kita. Oleh sebab itu, banyak kelemahan yang masih terdapat di kalangan para pelajar di semua peringkat; dalam aspek morfologi, sintaksis, dan semantik (Laporan Jawatankuasa

Mengkaji Penggunaan BM, 1982). Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menegaskan bahawa pengajaran tatabahasa BM hendaklah ditekankan daripada aspek penggunaannya, bukan semata-mata memahami rumus-rumus tatabahasanya.

Berhubung dengan masalah kelemahan dan masalah pengajaran BM ini, satu Konvensyen Pendidikan telah diadakan pada 8-10 Disember 1979 di Kuantan, Pahang Darul Makmur, yang dianjurkan oleh Persatuan Suluh Budiman. Beberapa persoalan telah dibincangkan dalam Konvensyen Keempat ini (Awang Had Salleh 1979, "Krisis dalam Pengajaran Bahasa Malaysia Hari Ini," KONPEN Ke-IV, Kuantan, Pahang, dalam 'Abdul Hamid bin Mahmood, 1993). Dua persoalan yang saling berkaitan, iaitu "Pencemaran Bahasa" dan "Krisis Pengajaran BM" telah dijadikan tema konvensyen tersebut. Semua penulis kertas kerja memusatkan perhatian kepada kedua-dua persoalan tersebut. Ahli-ahli bahasa pada ketika itu berasa cemas dan bimbang akan nasib BM jika dibiarkan terus tercemar dan diabaikan (Awang Sariyan, 1981, "Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia: Satu Catatan," Dewan Bahasa Jilid 25, Bil. 4, April 1981, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur).

Akhirnya, beberapa syor dan rumusan telah dibuat berhubung dengan cara mengatasi permasalahan dan cara pengajaran BM. Antara syor yang terpenting termasuklah mendesak kerajaan supaya menubuhkan satu Suruhanjaya Mengkaji Masalah Pencemaran BM, dan satu Suruhanjaya sepenuh masa dilantik dan diberi masa sekurang-kurangnya satu tahun untuk meninjau masalah yang wujud. Perkara-perkara yang difokuskan dalam tinjauan itu ialah (a) penggubalan semula kurikulum dan sukatan pelajaran BM bagi semua peringkat pengajian, (b) mengemukakan garis panduan untuk penulisan buku teks, (c) menyenaraikan panduan dalam penyediaan soalan-soalan BM, (d) membuat cadangan-cadangan berkaitan dengan latihan perguruan di maktab-maktab dan universiti untuk mata pelajaran BM, dan (e) mengenal daerah-daerah penyelidikan dan

pembinaan bahan untuk pengajaran BM, (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Bahasa Malaysia 1982).

Syor-syor yang dibuat dalam konvensyen pendidikan itu menunjukkan wujudnya krisis dalam pengajaran BM yang berpunca daripada aspek masalah penguasaan dan pengetahuan tentang struktur, tatabahasa BM dan gaya bahasa BM, dan masalah pendekatan dan perkaedahan (Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia, 1982: Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka).

Syor-syor yang menjadi fokus, iaitu perkara (a) hingga (e) memerlukan tindakan-tindakan yang wajar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dan universiti-universiti tempatan. Ekoran itu, langkah-langkah yang positif telah diambil sama ada dalam bentuk perancangan jangka pendek mahupun perancangan jangka panjang untuk mengatasi masalah kekacauan dalam pengajaran BM (Abdul Hamid Mahmood, 1993). Pada 22 November 1990, DBP telah mengadakan bengkel BM yang bertemakan: Konsep Tatabahasa Pegangan dan Pengajaran Tatabahasa (Abdul Hamid Mahmood, 1993).

Bengkel ini penting kerana pengajaran tatabahasa mempunyai kaitan yang erat dengan faktor-faktor pemerolehan bahasa. Hal ini boleh dilakukan oleh guru BM dengan meningkatkan tahap pengajaran dan penggunaan teknik yang berkesan dan terancang (Mangantar Simanjuntak, 1982).

Untuk meningkatkan dan mewujudkan pengajaran yang berkesan, guru BM mestilah menguasai perbendaharaan kata, istilah, dan bahasa yang sesuai (Nik Safiah Karim, 1986). Selain itu, pengajaran terancang amat penting untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan dan akan wujudlah keintelektualan dan kesempurnaan bahasa

(Hafranete, 1984). Keintelektualan bahasa pula hanya boleh dicapai melalui penguasaan perbendaharaan kata dan sistem tatabahasa (Abdul Hamid Mahmood, 1993).

### **Pernyataan Masalah**

Kelemahan para pelajar dalam menguasai ilmu tatabahasa BM memang mempunyai kaitan yang rapat dengan masalah-masalah pengajaran dan faktor-faktor yang lain. Permasalahan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran dapat dilihat daripada pelbagai perspektif. Antara masalah dan kelemahan yang nyata dalam pengajaran tatabahasa BM termasuklah perkara-perkara yang berikut:

#### **Masalah Guru**

- (i) Guru mengajarkan tatabahasa secara seluruh kelas dan kurang menekankan interaksi antara individu;
- (ii) Guru tidak merancang pengajaran tatabahasa;
- (iii) Guru mengajarkan ayat dengan tidak berdasarkan konteks dan tidak menggunakan strategi penggabungjalinan;
- (iv) Guru tidak mengajarkan teknik penganalisan ayat;
- (v) Guru kurang menggunakan bahan rangsangan semasa mengajar di bilik darjah;
- (vi) Guru tidak menggunakan kaedah yang efektif. Sebagai contoh, terdapat guru yang menggunakan kaedah ad hoc, iaitu hanya bergantung kepada kemampuan dan pengalaman yang dirasakan betul oleh sebilangan guru (Azman Wan Chik, 1980). Berhubung dengan itu, terdapat pula guru bahasa yang menggunakan satu teknik dan satu kaedah sahaja tanpa memikirkan murid-murid itu sama ada penutur bahasa pertama jati (B1) atau penutur bahasa kedua (B2). Fenomena ini mewujudkan kelemahan dari segi pencapaian murid-murid (Mohd. Hilmi Ismail, 1982).

- (vii) Terdapat guru yang mengajarkan tatabahasa tidak mempunyai kemahiran (Awang Sariyan, 1984), tidak berminat, dan guru-guru ini "terpaksa" mengajar demi memenuhi kehendak pengetua dan jadual waktu.
- (viii) Terdapat guru BM yang tidak mempunyai pengalaman dan latihan yang cukup untuk mengajarkan BM (Omar Mohd. Hashim, 1978). Selain itu, terdapat sebilangan guru yang belum dapat menguasai bahasa dengan baik (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Penggunaan BM, 1982)

### **Masalah Pelajar**

- (i) Terdapat pelajar yang kurang inisiatif seperti kurang membaca dan tidak mahu mencontohi penggunaan bahasa yang tepat.

### **Kekurangan Bahan yang Bermutu**

- (i) Kekurangan bahan bacaan yang bermutu seperti buku teks yang bermutu menyebabkan pembelajaran BM menjadi lemah. Hanya apabila baru-baru ini, penghasilan buku teks BM ditulis oleh panel penulis yang dilantik khas oleh Bahagian Buku Teks (BBT), maka wujudlah buku teks yang baik dan yang terkini.

Masalah-masalah yang dinyatakan ini memang wujud dan telah menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat menguasai tatabahasa dengan berkesan. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan bahawa sudah sampailah masanya teknik PT diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran BM. Teknik ini boleh memantapkan konsep **5P**, iaitu **penggabungjalinan, penilaian, penyerapan, pemulihan, serta pengayaan** haruslah dilakukan oleh guru BM dalam pengajaran tatabahasa.

Guru BM sepatutnya sedar dan menerima hakikat bahawa tatabahasa merupakan ilmu teras dan perlu diajarkan secara terancang dan bersepadu dengan ilmu-ilmu yang lain.

## Kepentingan Kajian

Kajian yang khusus tentang pengajaran ayat secara terancang masih belum dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai kepentingan-kepentingan yang tersendiri, iaitu:

Pertama, hasil kajian ini dapat dijadikan model dan contoh dalam pengajaran tatabahasa BM. Hasil kajian ini juga akan dapat membantu guru-guru bahasa untuk merancang dan mengajarkan BM dengan lebih baik dan berkesan. Hal ini ada kaitannya dengan pendapat Corder (1973) yang menyatakan bahawa guru bahasa yang baik ialah guru yang dapat menggunakan hukum-hukum dan prinsip-prinsip pengajaran semasa melaksanakannya di bilik darjah. Di samping itu, guru boleh dianggap sebagai penyampai ilmu yang unggul kerana dengan menggunakan teori secara informal, murid masih dapat belajar dan berfikir dengan berkesan (Corder, 1973).

Dengan itu, hasil penyelidikan ini dapat dijadikan pegangan oleh guru bahasa di samping dapat merangkakan pelbagai strategi, kaedah, pendekatan, dan teknik pengajaran tatabahasa yang lain pula.

Kedua, kajian ini dapat membantu penyelidik-penyelidik yang berminat untuk menjalankan kajian tentang pengajaran dan pembelajaran aspek-aspek lain dalam bidang tatabahasa pada masa hadapan.

Ketiga, kajian ini dapat membantu pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dan Bahagian Sekolah-sekolah (BSS) untuk meningkatkan dan memajukan model pengajaran ayat BM. Hal ini akan menghasilkan panduan yang berfaedah dalam pengajaran tatabahasa.

Keempat, kajian ini juga akan dapat dijadikan bahan rujukan kepada penyelidik-penyelidik yang lain pada masa hadapan.

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dinyatakan bahawa kajian ini amat penting dalam konteks pengajaran ayat BM. Oleh itu, kajian ini akan dapat dijadikan panduan dan matlamat kepada guru-guru yang mengajarkan BM kepada pelajar tingkatan empat.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif yang berikut, iaitu untuk .melihat:

- i) penguasaan membina ayat majmuk gabungan dan pancangan di kalangan sampel;
- ii) penguasaan sampel mengenal pasti ayat majmuk gabungan dan pancangan.
- iii) penggunaan kata hubung gabungan dan pancangan oleh sampel; dan
- iv) penganalisan struktur ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan secara mudah oleh sampel;

### **Pembatasan Kajian**

Kajian ini hanya dibataskan di tiga buah sekolah menengah di daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan. Sekolah-sekolah yang dijadikan subjek kajian ini ialah Sekolah Menengah Tinggi Kajang, Sekolah Menengah Abdul Jalil, dan Sekolah Menengah Convent. Sekolah ini dipilih kerana dapat memenuhi objektif kajian.

Sampel yang dipilih secara rawak dalam kajian ini seramai 76 orang. Sampel dari SM Tinggi Kajang seramai 25 orang pelajar lelaki, dari SM Convent seramai 31 orang pelajar perempuan, dan dari SM Abdul Jalil seramai 20 orang, iaitu 11 orang pelajar perempuan dan 9 orang pelajar lelaki. Kemudian sampel ini dibahagikan kepada dua



kumpulan, iaitu pelajar berprestasi tinggi (PBT) dan pelajar berprestasi rendah (PBR) yang baru lulus Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP).

Jenis ayat majmuk yang menjadi bahan kajian ini ialah:

- (i) ayat majmuk gabungan,
- (ii) ayat majmuk pancangan relatif dan komplemen, dan
- (iii) ayat majmuk dengan keterangan.

Buku teks yang digunakan dalam kajian ini ialah buku teks **BM KBSM Tingkatan Empat** tulisan bersama Mohd. Dahlan bin Mohd. Ramli et al (1990). Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Buku Tatabahasa yang menjadi pegangan utama bagi kajian ini ialah buku "Tatabahasa Dewan, Jilid 1 : Ayat", tulisan bersama oleh Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood (1986) dan buku **Tatabahasa Dewan Jilid 2 : Perkataan**, tulisan bersama Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, dan Hashim Musa (1986). Buku ini dipilih kerana buku ini telah diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan dan menjadi pegangan serta rujukan oleh semua pihak yang berkaitan dengan ilmu tatabahasa BM.

Buku-buku lain yang digunakan dalam kajian ini adalah sebagai bahan rujukan tambahan.

### Hipotesis

Untuk melihat kesan pengajaran ayat secara terancang terhadap penguasaan tatabahasa di kalangan sampel, pengkaji juga akan menguji hipotesis-hipotesis null seperti yang berikut: